

Penafian yang bermaksud pujian semestinya mengandungi lawan yang dinafi dalam keadaannya yang paling sempurna.	النَّفْيُ الْمَقْصُودُ بِهِ الْمَدْحُ لَا بُدَّ مِنْ أَنْ يَكُونَ مُتَضَمِّنًا لِإِثْبَاتِ كَمَالِ ضِدِّهِ	قاعدة ٥٦
---	---	-----------------

Keterangan: Apabila dinafikan sesuatu daripada seseorang atau sesuatu yang lain dengan maksud memujinya, maka ia bererti lawan bagi sesuatu yang dinafikan adalah paling sempurna ada padanya.

Di bawah ini dikemukakan beberapa contohnya:

(1)

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ وَكَفَى بِهِ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا ﴿٥٨﴾

58. Dan bertawakkallah (berserahlah) engkau kepada Allah Tuhan Yang Hidup, yang tidak mati; serta bertasbihlah dengan memujiNya dan cukuplah Dia mengetahui secara mendalam akan dosa-dosa hambaNya. (al-Furqaan: 58).

Rangkaian kata “Yang tidak mati” juga disebutkan sebagai sifat Allah seperti *الحي* (Yang Hidup) yang tersebut sebelumnya. Cuma yang tidak mati adalah sifat salbiyyah Allah, dan Yang Hidup pula adalah sifat mutsbatah (sifat yang ditsabitkan ada pada Allah). Kedua-duanya bagaimanapun dikemukakan sebagai pujian kepada Allah. Maka “Yang tidak mati” di situ bererti tuhan yang hidupNya kekal dan sempurna sifat hidupnya. Kerana lawan bagi yang tidak mati ialah yang hidup.

(2)

وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا ﴿٤٩﴾

...dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada sesiapa pun. (al-Kahf: 49).

Lawan bagi tidak berlaku zalim ialah berlaku adil. Tidak berlaku zalim disebut di situ sebagai pujian kepada Allah. Maka ia bererti Tuhanmu berlaku adil seadil-adilnya.

(3)

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

2. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang keraguan padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang

(hendak) bertaqwa; (al-Baqarah:2).

Lawan keraguan ialah keyakinan. Dikatakan tidak ada sebarang keraguan di dalam al-Qur'an dengan maksud memuji al-quran. Maka maksudnya ialah al-Qur'an itu adalah kitab yang dapat diyakini sepenuhnya.

(4)

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُخْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَاقًا وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

273. (Berinfaklah) kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak dapat (berusaha) di muka bumi; orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya kerana memelihara diri dari minta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. (al-Baqarah: 273).

Disebutkan لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُخْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ sebagai memuji sikap para sahabat yang berjuang dan berjihad. Maksudnya ialah mereka adalah orang-orang mulia dan memelihara diri daripada meminta-minta.